



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(46)
Tarikh: 1 SEPTEMBER 2021

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN FORMATIF SESI PERSEKOLAHAN 2021 TAHUN 1 HINGGA 6 TAHUN 2021

Untuk memerangi Covid-19 dan mengambil kira situasi pandemik COVID-19 yang semakin membimbangkan, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat pengumuman pada 15 Ogos 2021 bahawa sesi persekolahan secara bersemuka akan ditangguhkan sehingga 03 Oktober 2021 secara berperingkat. Oleh itu, sesi persekolahan secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) akan diteruskan dalam dua bentuk caranya, iaitu Google Meet (**GM**) dan Google Classroom (**GC**) sehingga 03 Oktober 2021. Untuk mentaksir penguasaan kemahiran murid melalui sesi PdPR, maka pihak sekolah akan melaksanakan pentaksiran tersebut secara dalam talian (**ONLINE**) yang melibatkan murid-murid Tahun Satu hingga Tahun Enam bermula pada 20 September 2021 (Isnin) hingga 24 September 2021 (Jumaat).

02. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN FORMATIF :

- 2.1 Pentaksiran Formatif hanya melibatkan lima mata pelajaran TERAS.
- 2.2 Guru mata pelajaran akan memuatnaikkan kertas soalan melalui Google Classroom (**GC**) pada pukul 7.00 pagi mengikut Jadual Pentaksiran Formatif yang ditetapkan.
- 2.3 Murid-murid hendaklah membaca arahan dengan jelas, menjawab kertas soalan dan "**SUBMIT**" jawapan soalan dalam bentuk Google Form atau memuatnaikkan jawapan dalam bentuk pegun (snapshot / scan).
- 2.4 Kesemua kertas jawapan mesti hantar pada masa ditetapkan iaitu sebelum pukul 12 malam pada hari yang sama untuk semakan guru. Sekiranya kegagalan penghantaran berlaku, proses markah pentaksiran akan terganggu.

03. PENTAKSIRAN FORMATIF SECARA DALAM TALIAN BERBANTUKAN PERANTI

Diharap para ibu bapa / penjaga turut memberi kerjasama dalam perkara berikut:

- 3.1 Menyediakan peranti / gajet yang diperlukan (Komputer, telefon pintar, mesin pencetak).
- 3.2 Mempunyai capaian internet atau data yang stabil.
- 3.3 Mempunyai aplikasi WhatsApp atau Telegram untuk kelas masing-masing.
- 3.4 Membantu untuk memantau dan menemani anak-anak melaksanakan pentaksiran dengan mengikut masa yang ditetapkan.
- 3.5 Sekiranya anak-anak menghadapi masalah teknikal atau pertanyaan, sila bantukan anak menghubungi guru mata pelajaran berkenaan.

04. JADUAL PENTAKSIRAN FORMATIF

Tarikh	Mata Pelajaran	Tempoh
20 - 09 - 2021 (Isnin)	Bahasa Cina	Jam 7 pagi hingga 12 malam
21 - 09 - 2021 (Selasa)	Bahasa Melayu	
22 - 09 - 2021 (Rabu)	Bahasa Inggeris	
23 - 09 - 2021 (Khamis)	Matematik	
24 - 09 - 2021 (Jumaat)	Sains	

05. Murid Tahun 1 hingga Tahun 6 **TIDAK PERLU** melaksanakan **Google Meet (GM)** pada 20 September 2021 hingga 24 September 2021. Tetapi **Google Classroom (GC)** masih dijalankan mengikut jadual waktu PdPR. Diharapkan para ibu bapa / penjaga memastikan anak-anak murid menyiapkan tugas yang disediakan dalam **Google Classroom (GC)**.

06. Diharapkan para ibu bapa / penjaga mengambil berat sepenuhnya dan memastikan anak-anak murid berjaya mengikuti Pentaksiran Formatif pada masa yang ditetapkan. Pihak sekolah ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para ibu bapa / penjaga yang tetap memberi tumpuan dalam pelajaran anak-anak dan juga memberikan kerjasama yang padu kepada sekolah dalam segala aktiviti sekolah.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KITA JAGA KITA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.